

Menguasai Laras Bahasa Bagi Memperkukuh Kemahiran Interaksi Penulisan

Zaleha Ahmad

zaleha_ahmad@schools.gov.sg

Nailul Azmi Ismail

nailul_azmi_ismail@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Park View

Abstrak

Perubahan format peperiksaan PSLE 2017 mewujudkan tuntutan baharu pada murid. Komponen interaksi penulisan memerlukan murid memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, nota dan pesanan ringkas. Justeru, kemahiran berbahasa yang meliputi aspek bahasa reseptif dan fungsional harus dipupuk dalam kalangan murid. Murid diajar secara bertahap tentang pelbagai bentuk wacana, laras bahasa, kemahiran berfikir dan menaakul serta menyusun agar dapat melahirkan bentuk wacana yang lengkap. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan berproses secara bersepadu menunjukkan potensi yang memberangsangkan bagi pengajaran mengarang dalam kalangan murid. Kesan positif dapat dilihat dengan peningkatan yang ketara daripada segi kelakonan murid dalam kumpulan kajian.

Kata Kunci: interaksi penulisan, penulisan berpandu, ekspresi bahasa, laras bahasa

PENGENALAN

Arus globalisasi dan modenisasi kini telah mengubah hakikat berkomunikasi dan berbahasa di seluruh pelosok dunia. Globalisasi dan modenisasi merupakan fenomena global yang tidak dapat dielakkan. Fenomena ini mencetuskan pelbagai cabaran baharu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah khususnya dalam pengajaran kemahiran menulis. Profil murid yang lebih beragam, kurang pendedahan terhadap bahan bacaan Melayu, keterbatasan penguasaan kosa kata, kurang penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu di rumah merupakan contoh-contoh cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah. Melalui tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji, faktor-faktor ini bukan sahaja mempengaruhi motivasi, malahan kelakonan murid di dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, pihak sekolah harus bijak melakarkan strategi-strategi tertentu yang bersesuaian dengan keperluan murid bagi membolehkan murid untuk menguasai enam teras kemahiran yang disasarkan oleh pihak kementerian. Selain itu, usaha jitu juga harus diambil untuk meningkatkan penguasaan berbahasa dalam kalangan murid melalui aktiviti-aktiviti yang lebih bermakna.

Penyerapan komponen interaksi penulisan dalam penilaian Bahasa Melayu Standard dan Asas bertujuan untuk menguji keupayaan murid untuk melibatkan diri dalam komunikasi dua hala dengan menggunakan bahasa secara bertulis. Untuk menilai tahap penulisan murid, pihak kementerian telah menggariskan dua kriteria penilaian iaitu kesesuaian dan respons. Murid bukan sahaja harus memahami tujuan teks tulisan yang berbeza-beza, menggunakan format teks yang bersesuaian dengan tujuan dan jenis teks malahan menggunakan kosa kata yang sesuai untuk konteks dan khalayak yang berbeza sambil menimbangkan kesannya kepada penerima. Penyerapan komponen ini menimbulkan tuntutan baharu dalam kalangan pendidik khususnya dari segi penyediaan bahan pengajaran, kemahiran-kemahiran yang perlu diajar kepada murid dan format penilaian yang akan digunakan di dalam proses penilaian di bilik darjah.

Pakej Cekap Menulis dihasilkan untuk membina kemahiran menulis dalam kalangan murid melalui mekanisme pengajaran teknik-teknik penulisan secara berpandu. Murid diberi pendedahan pada aspek-aspek penulisan seperti struktur penulisan (formal atau tidak formal) dan penggunaan laras bahasa yang bersesuaian mengikut kehendak audiens serta nada bagi merangka jawapan. Selain daripada itu, murid bukan sahaja diajar proses untuk mengedit dan menyerlahkan isi penulisan malahan diberi pendedahan kepada asas retorik dan gaya bahasa secara langsung mengikut konveksi sosial seperti laras



bahasa iklan atau perniagaan, laras bahasa biasa, laras bahasa sukan dan sebagainya. Program bersepadu ini diharapkan dapat meningkatkan mutu penulisan murid secara menyeluruh.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini berfokus pada prosedur pengajaran kemahiran interaksi penulisan dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah. Tinjauan yang dibuat secara rawak dalam kalangan guru di peringkat rendah mendapati bahawa lazimnya pengajaran kemahiran interaksi penulisan dilakukan secara implisit. Jurang dari segi teknik-teknik penulisan yang didedahkan kepada murid secara eksplisit bergantung kepada pemerhatian guru terhadap tahap kecerdasan murid atau tema-tema yang dirasakan lebih mudah difahami. Guru berpendapat bahawa murid harus diberikan pendedahan secara khusus terhadap pelbagai genre rangsangan grafik seperti brosur, kad undangan, laporan, pesanan ringkas, penulisan e-mel dan sebagainya bagi komponen interaksi penulisan bagi peringkat Darjah 4 dan Darjah 6. Setiap genre rangsangan grafik mempunyai struktur dan sasaran audiens yang khusus. Seandainya murid tidak diberi pendedahan yang mencukupi, hal ini akan menjejaskan keupayaan mereka untuk merangka jawapan yang sesuai bagi komponen interaksi penulisan.

Hasil Pembelajaran Umum bagi kemahiran interaksi penulisan mewartakan bahawa murid harus berinteraksi melalui penulisan mengenai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan alam sekitar. Untuk menangani komponen ini secara berkesan, murid bukan sahaja harus berinteraksi dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila malahan perlu bijak bertukar-tukar maklumat yang relevan dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai mengikut situasi, konteks dan tujuan. Justeru, murid yang mempunyai tahap penguasaan kosa kata yang rendah disebabkan kurang pendedahan terhadap penggunaan bahasa Melayu, tidak akan dapat memberikan respons yang optimum semasa aktiviti pembelajaran interaksi penulisan berlangsung di dalam bilik darjah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meneliti sejauh mana pemahaman murid dalam menggarap kandungan pembelajaran melalui wadah penulisan interaktif; dan
2. menilai tahap peningkatan dalam pemahaman murid semasa pembelajaran interaksi penulisan.



Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan terhadap pengajaran kemahiran menulis harus dilakukan secara terancang bagi memastikan objektif pembelajaran bagi kemahiran interaksi penulisan dapat dicapai. Program penulisan secara bertahap ini diharap dapat meningkatkan kebolehan mereka untuk menghasilkan karangan atau penulisan yang bermutu dari segi pengisian serta estetika bahasanya. Ia juga secara tidak langsung akan mempersiapkan murid dengan kemahiran asas penulisan yang dapat digunakan untuk menambah nilai dan mempertingkatkan hasil karya murid.

KAJIAN LEPAS

Menurut pakar neurologi Dr Eric H Lennenberg (2000), sebelum mencapai usia baligh, otak kanak-kanak memang mudah dilentur. Dalam usia ini otak mereka mudah menerima informasi kerana proses penyerapan informasi mampu berlangsung dengan lancar. Menurut kajian beliau, tempoh terbaik untuk mengajar kanak-kanak untuk menguasai sesuatu kemahiran ialah daripada usia 6 hingga 15 tahun. Hasil kajian beliau mendapati bahawa, kanak-kanak yang didedahkan dengan stimuli yang rencam khususnya bahan bacaan dan penulisan yang menarik sebelum usia 15 tahun, mampu menguasai sesuatu kemahiran sama seperti orang dewasa.

Menurut Donn Byrne (1988), menulis bukan sesuatu yang diperoleh secara spontan tetapi memerlukan usaha secara sedar di mana ia memerlukan individu untuk menuliskan kata dan mempertimbangkan cara mengkomunikasikan dan mengatur maklumat yang ingin disampaikan. .

Hasil dapatan kajian tentang proses mengarang murid yang berbentuk rekursif (Emig 1971; Mischel 1974; Stallard 1974) dan bukan *linear* (Rohman dan Wlecke 1964) pula, mendapati bahawa pendekatan pengajaran mengarang yang berfokuskan hasil karangan telah berubah kepada proses mengarang. Sejak kajian Emig (1971), proses mengarang tidak dilihat sebagai satu proses yang tidak statik dan bergerak dalam bentuk berurutan dan melibatkan langkah demi langkah. Sebaliknya, Flower dan Hayes (1980, 1981), melihat proses mengarang sebagai satu proses yang dinamik dan memperlihatkan pergerakan berulang dan bertindanan antara satu proses dengan satu proses yang lain.

Mengikut teori Konstruktivisme, pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Individu ini tidak menyerap secara pasif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh gurunya. Murid akan menyesuaikan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk



pengetahuan baharu dalam mindanya dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya.

Idea utama bagi teori pembelajaran Kognitivisme pula menitikberatkan tentang perwakilan mental. Semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema akan menentukan bagaimana data dan maklumat yang diterima akan difahami oleh minda manusia. Jika maklumat ini secocok dengan skema yang ada, maka murid akan menyerap maklumat tersebut ke dalam skema ini. Sekiranya kurang sesuai, maklumat ini mungkin ditolak atau skemanya akan diubah suai.

Berlandaskan dapatan daripada kajian-kajian tersebut, dapat diandaikan bahawa pengajaran kemahiran penulisan termasuk kemahiran interaksi penulisan harus memberi lebih tumpuan kepada proses yang perlu dilalui semasa menulis dan bukan kepada hasil penulisan semata-mata. Justeru, dalam melakarkan pakej pengajaran kemahiran interaksi penulisan, pengkaji menekankan aspek pemerolehan proses menulis dengan penggunaan strategi dan teknik mengarang yang bersesuaian dengan profil murid serta menyediakan wadah untuk membolehkan murid melibatkan diri secara aktif dalam situasi yang autentik.

Maka dapat disimpulkan bahawa perancangan yang teliti perlu dilakukan oleh setiap pendidik agar pengajaran dapat dilakukan secara berkesan dan dapat membantu dalam pembentukan kemahiran menulis di peringkat awal pendidikan murid.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan dapat dibahagikan kepada tiga langkah utama iaitu:

1. Langkah Tinjauan
 - Meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan murid.
 - Guru membuat pemerhatian semasa proses PdP di dalam kelas serta menganalisis skrip jawapan ujian diagnostik murid.
2. Langkah Perancangan dan Pelaksanaan
 - Menentukan bahan praujian dan pascaujian. Pentadbiran ujian untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan murid disusuli dengan proses melakarkan pakej kosa kata bertahap oleh pengkaji.



3. Langkah Pemantauan

- Menjalankan sesi pengajaran menggunakan pakej Bijak Berbahasa yang telah dihasilkan.
- Sesi pemantauan di dalam kelas dilakukan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan.
- Markah ujian topikal digunakan untuk menilai pencapaian murid.
- Maklum balas murid tentang keberkesanan aktiviti pembelajaran diperoleh melalui borang refleksi murid dan komen ibu bapa.

Elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam kajian ini memberikan penekanan kepada Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas. Sila lihat Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura (STP)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan cerita dan imejan, AM ini menggalakkan penggunaan pelbagai aktiviti mengajar termasuk penggunaan klip video dan slaid <i>Powerpoint</i> bagi merangsang minat murid untuk mengikut pengajaran yang akan dijalankan.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Murid	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Pelbagai aktiviti mengajar dilaksanakan untuk merangsang minat murid dan menggalakkan kerjasama dan interaksi antara murid termasuklah penggunaan '6 topi berfikir, kerja berkumpulan dan lintas galeri, membina poster, pendekatan 'world café'.
	AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM3: Perhalus, Perhalus, Perhalus AM ini menggalakkan murid untuk bertanyakan soalan-soalan bagi menilai kefahaman mereka. Penggunaan Lihat-Fikir-Tanya (<i>See-Think-Wonder</i>) digalakkan untuk memperdalam pembelajaran berpandukan soalan-soalan bersepadu.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Penggunaan senarai semak, rubrik dan maklum balas digunakan untuk memantau pembelajaran.



Penerangan dan Justifikasi	Aspek Pengajaran dan Aktiviti Mengajar yang dipilih dibincangkan dengan teliti dalam kalangan guru pengkaji untuk memastikan murid meraih manfaat yang terbaik dalam merangsang murid agar terlibat aktif dalam pembelajaran yang menyeronokkan tetapi mendalam dan memberikan impak yang berkesan dalam proses pembelajaran murid.
----------------------------	---

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran terdiri daripada murid Darjah 4, 5 dan 6. Seramai 43 orang murid dari kohort Darjah 4 yang terlibat di dalam program ini. Manakala untuk kumpulan Darjah 5, ia meliputi 45 orang murid dan Darjah 6 pula seramai 35 orang murid, berbilang jantina. Hasil tinjauan terhadap murid yang telah dikenal pasti mendapati bahawa murid terdiri daripada latar belakang keluarga yang pelbagai justeru mewujudkan jurang dari segi pendedahan, pengetahuan serta penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi kaedah kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan murid di dalam praujian dan pascaujian. Untuk memastikan data yang diperoleh konsisten, pengkaji turut mengumpul data daripada markah ujian topikal. Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borangrefleksi murid dan sesi temu bual dengan guru-guru, dapat dijadikan sandaran untuk memperkukuh dan bukti dokumentasi bagi menentukan keberkesanan dan kerelevanan pengajaran yang telah dijalankan.

Prosedur Kajian

1. Langkah Tinjauan

Pengkaji meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan murid berdasarkan markah peperiksaan tahun 2017. Pengkaji telah melakukan tinjauan awal terhadap markah peperiksaan akhir tahun (SA2) yang diperoleh murid bagi item rangsangan grafik dan mendapati hampir 40% daripada setiap kumpulan murid tidak dapat menjawab soalan jenis ini dengan cemerlang. Pengkaji juga mendapati bahawa hampir 50% murid dari kelas berprestasi sederhana (*medium performing class*) gagal dalam komponen ini. Pengkaji kemudian melakukan sesi temu bual bersama murid dan guru-guru dan mendapati bahawa dua faktor utama yang menyumbang pada permasalahan ini adalah (i) kurangnya pendedahan terhadap bentuk soalan dan (ii) ketidakupayaan murid untuk memahami kehendak soalan.



Selain daripada itu, pengkaji juga telah membuat pemerhatian semasa proses PdP di dalam kelas serta menganalisis skrip jawapan ujian diagnostik murid.

2. Langkah Perancangan dan Pelaksanaan

Pengkaji menggunakan maklumat daripada bahan praujian dan pascaujian untuk melakarkan pakej interaksi penulisan secara bertahap mengikut peringkat kecerdasan murid. Penggunaan pelbagai media bertujuan untuk meningkatkan minat murid tentang kandungan pelajaran seperti menggunakan iklan secara bercetak dan juga elektronik. Pengkaji juga mempelbagaikan aktiviti pembelajaran agar murid tidak bosan. Sebagai contoh, murid diberi peluang untuk mencipta dan mencerakin iklan, membina soalan-soalan kefahaman berdasarkan iklan yang dicipta serta membuat pembentangan untuk mempromosikan iklan yang dihasilkan. Tugas mencipta dan membina soalan pada iklan yang dihasilkan amat bermakna kerana dapat memperkasakan murid dan secara tidak langsung dapat mencungkil bakat dan menggalakkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid. Murid lebih maklum tentang tatacara dan struktur dalam lakaran iklan dan secara tidak langsung, mengajar murid untuk mengecam pecahan-pecahan yang terdapat di dalam iklan.

Guru menggunakan rutin berfikir untuk menggerak murid agar memperdalam pembelajaran berpandukan soalan-soalan bersepadu. Penggunaan rutin Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*), lazimnya digunakan sebagai induksi pengajaran untuk menilai tahap kesediaan dan kebolehan murid untuk mencari fakta utama di dalam iklan. Soalan-soalan yang diajukan secara tidak langsung akan memandu murid untuk mencari isi-isi penting yang terdapat di dalam iklan seperti tujuan iklan, audiens, faedah dan perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh pengiklan. Sebagai langkah susulan, murid menggunakan kerangka **T**ujuan, **I**si, **H**arapan dan **A**kibat (TIHA) yang memberi garis panduan terhadap perkara-perkara penting yang harus diserapkan semasa melakarkan jawapan. Berikut merupakan perincian kerangka TIHA.

Jadual 2: Penerangan tentang TIHA

Tujuan	Tujuan murid menulis respons tersebut
Isi	Dua isi mengikut kehendak soalan
Harapan	Apakah yang diharapkan jika penulis menyertai acara/aktiviti yang disarankan?
Akibat	Menerangkan akibat/kesan jika menyertai acara/aktiviti tersebut



Tahap kesukaran bentuk iklan diperkenalkan setelah murid lebih mahir menggunakan kerangka dan sudah faham dengan istilah berkaitan dengan iklan.


3. Langkah Pemantauan

Semasa sesi pengajaran dijalankan, guru melakukan pemantauan dengan menggunakan borang senarai semak dan borang refleksi murid bagi mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Guru menyediakan senarai semak untuk membantu murid memahami kriteria yang harus dipenuhi semasa melakarkan jawapan. Ruang komen guru disertakan di akhir tugas. Guru akan memberi maklum balas tentang tahap kelakonan murid setelah memeriksa tugas murid. Selain daripada itu, guru juga mendapatkan maklum balas murid tentang keberkesanan aktiviti pembelajaran melalui borang refleksi murid dan komen ibu bapa. Maklum balas ini amat penting kerana ia dapat membantu murid untuk mengecam bahagian atau perkara yang harus dititikberatkan semasa melakukan tugas susulan. Guru merekod pencapaian murid setelah tamat pengajaran dan data ini digunakan untuk mengesan kemajuan murid terhadap setiap pengajaran yang telah dijalankan. Markah ujian topikal dan penilaian akhir tahun digunakan untuk menilai tahap pencapaian murid secara menyeluruh.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut ialah dapatan kajian.

Rajah 1: Dapatan Analisis Pencapaian Murid bagi Item Interaksi Penulisan dalam Peperiksaan SA1 (2017) dan SA2 (2018)




Jadual 3: Keputusan Peperiksaan SA2 (2017) dan SA1 (2018)

Kohort	P4 MA	P4 HP	P4 Kes-eluruhan	P5 MA	P5 HP	P5 Kes-eluruhan	P6 MA	P6 HP	P6 Kes-eluruhan
SA2 2017	-	-	-	27.7	88.8	58.25	46.1	68.1	57.1
SA1 2018	58.8	88.4	73.6	26.3	77.7	52	7.7	95.4	51.6

Rajah 1 merupakan dapatan tinjauan awal guru untuk menganalisis tahap pencapaian murid dari kedua-dua kelas Bahasa Melayu bagi setiap kumpulan. Murid ditempatkan di dalam kelas mengikut tahap kelakonan mereka dalam peperiksaan akhir tahun 2017 (SA2). Tinjauan ini (rujuk Jadual 1) dijalankan untuk menilai pencapaian murid dalam peperiksaan akhir tahun (2017) berbanding prestasi mereka pada peperiksaan pertengahan 2018. Dapatan awal mendapati bahawa murid dari kelas berprestasi sederhana (*medium performing class-MP*) bagi kedua-dua kumpulan Darjah 5 dan 6 agak lemah dalam komponen ini berbanding murid dari kelas berprestasi tinggi (*high performing class-HP*) dalam peperiksaan pertengahan tahun 2018.

Rajah 2: Dapatan Analisis Pencapaian Murid bagi Item Interaksi Penulisan dalam Peperiksaan SA1 dan SA2 (2018)



Jadual 4: Keputusan Peperiksaan SA1 dan SA2 2018

Kohort	P4 MA	P4 HP	P4 Kes-eluruhan	P5 MA	P5 HP	P5 Kes-eluruhan	P6 MA	P6 HP	P6 Kes-eluruhan
SA1 2018	58.8	88.4	73.6	26.3	77.7	52	7.7	95.4	51.6
SA2 / PRELIM 2018	64.7	92	78.4	86.1	96.1	91.1	84.6	86.3	85.5

Hasil dapatan daripada analisis kertas peperiksaan akhir tahun SA2 menunjukkan trend peningkatan yang positif dari segi peratusan murid yang lulus untuk komponen interaksi penulisan bagi setiap kumpulan murid. Perkembangan ini amat memberangsangkan. Faktor utama adalah disebabkan kandungan tema yang dipilih bagi komponen ini menjurus pada hal-hal yang berkaitan dengan pengalaman peribadi murid yang amat rapat dengan diri dan minat murid. Secara am, pencapaian bagi murid dari kelas berprestasi tinggi agak konsisten manakala bagi kelas berprestasi sederhana melihat lonjakan anggaran +30% bagi kumpulan Darjah 5 dan 6 yang lulus bagi komponen tersebut. Bagi kumpulan Darjah 4 terdapat peningkatan sebanyak +5% bagi murid yang lulus bagi komponen interaksi penulisan. Pencapaian ini dianggap baik memandangkan ini merupakan kali pertama calon menduduki peperiksaan dengan penyerapan komponen yang baharu.

Proses pembelajaran yang dilalui telah membantu murid untuk mempertingkatkan keupayaan memberikan respons secara bertulis dengan lebih tersusun dan berstruktur. Berikut adalah beberapa contoh respons atau hasil penulisan murid dalam kemahiran interaksi penulisan.

Contoh Hasil Kerja Murid 1 (Darjah 4)

Hai Ayun. Saya tahu bagaimana kamu boleh mendapatkan tiket itu. Satu cara ialah kamu boleh membeli tiketnya di semua cawangan Nusantara Records atau di lobi menara Celcom, Jalan Raja Muda Abdul Aziz pada 14 Ogos – 29 Ogos. Selain daripada itu, kamu boleh membeli barangan eksklusif kumpulan Biru dengan diskaun sebanyak 10% jika kamu membeli tiket itu. Saya harap kamu dapat membeli tikeknya supaya kamu boleh berseronok di situ.

Contoh Hasil Kerja Murid 2 (Darjah 4)

Hai Malik. Saya telah membaca pesanan ringkas kamu tentang bagaimana kamu boleh membeli tiket ke konsert Biru dan dapat tawaran istimewa yang diberikan bagi setiap pembelian tiket. Untuk mendapatkan tiket, kamu harus

membeli tiket di lobi menara Celcom yang terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz atau di semua cawangan Nusantara Records pada 14 Ogos hingga 29 Ogos 2016 dan dari jam 11 pagi hingga 5 petang. Selain daripada itu, untuk mendapatkan tawaran istimewa yang diberikan, kamu boleh membeli barangan eksklusif kumpulan Biru dengan diskaun sebanyak 10%. Saya berharap kamu sudah tahu bagaimana untuk membeli tiket konsert Biru dan dapatkan tawaran istimewa agar tiada perasaan kecewa.

Contoh Hasil Kerja Murid 3 (Darjah 6)

Walaupun kamu sibuk dengan pelajaran kamu, namun kamu tetap meluangkan masa dengan kanak-kanak di Rumah Tumpangan Anak-anak Yatim itu untuk membimbing mereka dalam pelajaran mereka secara sukarela dan melayan kerenah mereka. Ibu dan ayah ingin mengucapkan terima kasih kepada Farhan kerana berbakti kepada masyarakat dan membuat kanak-kanak di situ berasa gembira. Kami harap Farhan akan meneruskan sikap mengambil berat terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Contoh Hasil Kerja Murid 4 (Darjah 6)

Walaupun kamu sibuk dengan pelajaran, kamu ke Rumah Tumpangan Anak-anak Yatim dua kali seminggu. Ayah berasa sangat bangga kerana kamu [kerana] membimbing kanak-kanak di sana dalam pelajaran mereka secara sukarela. Kamu juga meluangkan masa selama dua jam untuk berbakti kepada masyarakat. Ibu dan Ayah mahu mengucapkan terima kasih kerana apa yang Farhan lakukan telah mengharumkan nama kami. Kamu telah membuat kanak-kanak di sana berasa gembira dan dihargai

Kajian yang dilakukan jelas menyokong usaha guru untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan dalam kalangan murid. Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa keupayaan menulis murid bertambah baik, tersusun dan berstruktur.

KESIMPULAN

Pendekatan proses dalam pengajaran kemahiran interaksi penulisan secara bersepadu menunjukkan potensi yang memberangsangkan bagi pengajaran menulis dalam kalangan murid. Pendedahan yang diberikan kepada murid terhadap unsur struktural penulisan, retorika dan laras bahasa dapat memandu murid untuk menghasilkan penulisan yang lebih terancang. Selain daripada itu, teknik-teknik penulisan yang diajar kepada murid secara tidak langsung memberi nilai tambah terhadap kebolehan murid untuk memahami kandungan pengajaran lantas membolehkan mereka melakarkan respons jawapan dengan lebih baik.



Pengkaji dapat membuat korelasi bahawa pendedahan yang diberikan kepada murid terhadap pelbagai genre rangsangan grafik serta daftar kosa kata khusus yang biasanya digunakan di dalam iklan telah menyumbang pada peningkatan dari segi pemahaman murid dalam menangani soalan peperiksaan akhir tahun 2018. Kesan positif dapat dilihat dengan peningkatan yang ketara dari segi kelakonan murid bagi ketiga-tiga kumpulan kajian.

Selain itu, kepekaan guru terhadap skema pemarkahan, jenis dan tuntutan soalan dalam ujian mahupun dalam tugas sekolah amatlah penting untuk memastikan murid diberi pendedahan yang secukupnya sepanjang pembelajaran mereka. Guru haruslah arif dari segi pemilihan bahan pengajaran yang pelbagai dan autentik agar dapat mengoptimumkan pengalaman pembelajaran dalam kalangan murid.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Zubaidah Othman
2. Nurul Huda Abdul Wahid
3. Nurfarhannah Hazmi

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2016). *Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua 2009.
- Donn Byrne. (1988). *Teaching writing skills: Longman handbooks for language teachers*. London. Longman Publishing Group.
- Ertmer, P. A., Quinn, J., & Glazewski, K. D. (2014). *The ID casebook: Case studies in instructional design* (Fourth edition). Boston: Pearson.
- Flower, L.S. and J.R. Hayes. (1988). A cognitive process theory of writing. In *The Writing Teacher's Sourcebook*, ed. G. Tate and E.P.J. Corbett, 2nd edition. p.92-102. New York: Oxford University Press.
- _____. (1980) The dynamics of composing: making plans and juggling constraints. In *Cognitive Processes in Writing*, ed. L.W. Gregg and E.R. Steinberg, p. 31-50. Hillsdale NJ: Lawrence Erlbaum.
- Nik Safiah Karim (1989). *Laras bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise (1989:14)



Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*.
Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

S. Nathesan. (2008). *Laras Bahasa Ilmiah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

